

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL



Seorang kakitangan Kesihatan M...
melakukan ujian saringan...
wabak Covid-19 di Alor Setar.



2,705 tunggu keputusan

7,247 individu daripada kluster Benteng LD, Tawau sudah disaring

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 7,247 individu sudah disaring sehingga semalam dengan 2,705 daripadanya masih menunggu keputusan membabitkan Kluster Benteng LD di Lahad Datu dan Tawau, Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 472 individu dikesan positif membabitkan 214 dalam kalangan warganegara manakala 258 lagi bukan warganegara dari Filipina dan Indonesia.

"Berdasarkan keseluruhan saringan bagi kluster ini, seramai 1,379 banduan dan tahanan disaring dengan 429 kes dikesan positif, manakala 1,156 kakitangan Ibu Pejabat Daerah (IPD) Lahad Datu dan Penjara Tawau pula merekodkan 10 kes positif.

"Selain itu, 1,251 ahli keluarga kepada kakitangan, banduan dan tahanan juga disaring yang membawa kepada pengesanan 10 kes positif serta 994 pegawai agensi kerajaan lain yang tiada dikesan positif selain 2,467 kontak sosial disaring dengan 23 kes dikesan positif," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 1,531 individu disaring di Lahad Datu dengan 141 kes dikesan positif manakala 1,306 individu negatif dan 84 individu lagi menunggu keputusan.

"Di Tawau pula, seramai 5,716 individu disaring dengan 331 kes dikesan positif, manakala 2,764

individu negatif dan 2,621 individu lagi menunggu keputusan.

"Jumlah kes akan sentiasa dikemas kini dan kategori bagi kes positif mungkin akan berubah bergantung kepada maklumat terkini hasil siasatan di lapangan," katanya.

Sementara itu, seramai 19,809 individu disaring membabitkan Kluster Sungai di tiga negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perlis termasuk 711 petugas kesihatan dengan 20 kes dikesan positif sehingga hari ini.

"Seramai 19,648 individu disaring di Kedah dengan 58 kes dikesan positif termasuk satu kes baharu, manakala 17,814 in-

dividu negatif dan 1,776 individu lagi masih menunggu keputusan.

"Di Pulau Pinang, seramai 136 individu disaring, manakala 135 individu negatif dan satu lagi individu masih menunggu keputusan.

"Bagi kes di Perlis pula, seramai 25 individu disaring dengan satu kes dikesan positif, 18 individu negatif dan enam individu lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Beliau berkata, seramai 193 individu disaring bagi Kluster Pulau dengan 10 kes dikesan positif termasuk satu kes baharu membabitkan sembilan warganegara Malaysia dan satu bukan warganegara, semalam.

"Daripada jumlah itu, 17 individu negatif dan 166 individu lagi masih menunggu keputusan.

"Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif bagi ketiga-tiga kluster ini masih diteruskan dan status terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya.

Catat 62 kes jangkitan baharu

Kuala Lumpur: Jangkitan baharu Covid-19 dalam negara terus meningkat dengan 62 kes direkodkan, semalam menjadikan sejumlah 668 kes aktif.

Angka terkini itu menyebabkan jumlah keseluruhan kes akibat wabak berkenaan mencecah 10,031 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 61 daripada 62 kes itu adalah penularan tempatan, manakala satu kes import dari India yang membabitkan warganegara.

"Bagi penularan tempatan, 59 kes dilaporkan di Sa-

bah iaitu 48 kes babit Kluster Benteng LD, empat kes saringan petugas kesihatan di Hospital Lahad Datu, tiga kes saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) dari Semenanjung Malaysia, dua kes saringan di Klinik Kesihatan Lahad Datu dan masing-masing satu kes daripada Kluster Pulau serta saringan di Penjara Sandakan.

"Dua lagi kes tempatan direkodkan di Kedah membabitkan Kluster Sungai dan satu kes saringan kontak rapat kepada kes ke-9,397 serta kes ke-9,459 yang juga ahli keluarga kepada mereka di

Pulau Pinang," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 15 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan tiga kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 26 kes dilaporkan pulih, hari ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah sebanyak 9,235 kes atau 92.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Tiada pertambahan kes kematian yang menjadikan jumlah kumulatif kematian kekal sebanyak 128 kes," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

BH KHAMIS, 17 SEPTEMBER 2020

Penularan COVID-19

Kes lepasi angka kumulatif 10,000

62 jangkitan baharu direkodkan semalam

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jangkitan pandemik COVID-19 di Malaysia, melepasi angka kumulatif 10,000 kes, susulan 62 kes baharu direkodkan semalam.

Daripada kes baharu dilaporkan, 61 kes adalah penularan dalam negara membabitkan 41 warga tempatan dan 20 kes warga asing, manakala satu lagi kes import membabitkan warganegara India.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di Malaysia sehingga semalam, mencatat lima angka iaitu, 10,031 kes.

Beliau berkata, bagi kes penularan dalam negara, 59 kes dilaporkan di Sabah, iaitu 48 kes adalah daripada Kluster Benteng LD membabitkan 20 warganegara; kes saringan petugas kesihatan Hospital Lahad Datu (empat) dan kes saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) dari Semenanjung (tiga).

"Selain itu, dua kes adalah hasil saringan di Klinik Kesihatan Lahad Datu; Kluster Pulau (satu) dan kes saringan di Penjara Sandakan (satu).

"Satu kes lagi dilaporkan di Kedah membabitkan Kluster Sungai dan satu kes di Pulau Pinang, iaitu ahli keluarga kepada kes ke-9,397 dan ke-9,459 yang duduk serumah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor His-



Noor Hisham Abdullah

ham berkata, kes Kluster Benteng LD meningkat kepada 472 kes, selepas mencatatkan 48 kes baharu semalam.

Katanya, seramai 7,247 individu sudah disaring dalam kluster itu termasuk 1,531 di Lahad Datu dan Tawau (5,716).

"Berdasarkan saringan itu, seramai 1,379 individu ialah banduan dan tahanan dengan 429 kes dikesan positif COVID-19 dan 1,156 individu ialah kakitangan Ibu Pejabat Daerah (IPD) Lahad Datu serta Penjara Tawau, dengan 10 kes dikesan positif.

"Selain itu, saringan juga membabitkan 1,251 ahli keluarga kepada kakitangan, banduan dan tahanan (10 kes positif); 994 pegawai agensi kerajaan lain (tiada kes positif) dan 2,467 kontak sosial (23 kes positif).

"Daripada jumlah kes positif itu, 214 adalah dalam kalangan warganegara, manakala 258 adalah warga asing dari Filipina (167 kes) dan Indonesia (91 kes)," katanya.

Bagi Kluster Pulau katanya, jumlah kes positif meningkat kepada 10 kes selepas satu kes baharu dilaporkan semalam, membabitkan sembilan warga tempatan dan satu warga asing, manakala jumlah yang disaring setakat ini ialah 193 individu.

Bagi Kluster Sungai, jumlah kes positif meningkat kepada 59 kes selepas satu kes baharu di-

laporkan semalam dengan 19,809 individu sudah disaring setakat ini.

"Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif bagi ketiga-tiga kluster ini masih diteruskan," katanya.

Noor Hisham berkata, sehingga kini, terdapat 15 kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU), yang tiga kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Selain itu, tiada pertambahan kes kematian berkaitan virus ini dilaporkan semalam. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal 128 kes iaitu 1.28 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes aktif, iaitu kes dengan kebolehhajangkitan COVID-19 juga meningkat dari hari ke hari, manakala kes positif yang sedang dirawat di ICU juga didapati semakin meningkat.

"Berdasarkan data terkini bagi 15 pesakit COVID-19 di ICU didapati, tiga pesakit memerlukan bantuan pernafasan; warga emas berusia 60 tahun dan ke atas (enam), manakala sembilan pesakit dalam lingkungan usia 21 hingga 56 tahun.

"Selain itu, sembilan pesakit ialah daripada Kluster Sungai; 10 pesakit didapati mempunyai latar belakang penyakit kronik dan 14 pesakit mendapat jangkitan dari dalam negara, manakala satu pesakit mendapat jangkitan dari luar negara.

"Semua pesakit ialah warga negara Malaysia," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 26 kes pulih daripada COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya ialah 9,235 kes iaitu 92.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Jumlah kes positif Covid-19 telah mencatat 5 angka

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA : Jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di negara ini telah mencatat lima angka iaitu 10,031 kes dengan pertambahan 62 kes baharu semalam.

Kes aktif dengan kebolehan jangkitan Covid-19 juga semakin meningkat iaitu sebanyak 668 kes manakala kes positif yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) juga bertambah kepada 15 orang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 62 kes baharu yang dilaporkan, hanya satu kes adalah kes import yang telah mendapat jangkitan di luar negara iaitu seorang warga negara Malaysia yang pulang dari India.

Katanya, sebanyak 48 kes positif baharu yang direkodkan adalah daripada Kluster Ben-



PETUGAS kesihatan melakukan ujian saringan Covid-19 di Alor Setar baru-baru ini. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

teng LD dan masing-masing satu kes dicatatkan daripada Kluster Pulau, Sabah dan Kluster Sungai di Kedah.

"Terdapat satu kes dicatatkan di Pulau Pinang iaitu sari-

ngan kontak rapat kepada kes ke-9397 dan kes ke-9459. Beliau merupakan ahli keluarga kepada kedua-dua kes ke-9397 dan ke-9459 (kesemua mereka duduk serumah)," katanya

dalam laporan harian situasi semasa jangkitan Covid-19, di sini semalam.

Menurut Noor Hisham, sebanyak 26 kes telah pulih menjadikan jumlah kumulatif yang telah pulih sepenuhnya adalah sebanyak 9,235 kes manakala tiada kematian direkodkan.

Kata beliau, jumlah kes positif bagi Kluster Benteng LD direkodkan sebanyak 472 kes dan sejumlah 7,247 individu telah disaring dalam kluster tersebut.

Dalam Kluster Pulau pula, jelasnya, sebanyak 10 kes dicatatkan melibatkan sembilan warganegara dan sejumlah 193 individu telah disaring.

"Sebanyak 59 kes kumulatif bagi Kluster Sungai dicatatkan dan sejumlah 19,809 individu telah disaring termasuk 711 petugas kesihatan yang mana seramai 20 dikesan positif Covid-19," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

4 **Negara!**

Kosmo! KHAMIS 17 SEPTEMBER 2020



Covid-19 #kitamestimenang

Pesakit terima rawatan di ICU meningkat

PUTRAJAYA – Kes positif Covid-19 dalam kalangan golongan lebih muda berusia antara 21 hingga 56 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kronik antara pesakit paling tinggi menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, setakat ini, sebanyak 15 pesakit warganegara menerima rawatan di ICU dengan sembilan daripadanya berusia antara 21 hingga 56 tahun.

"Berdasarkan data terkini pesakit Covid-19 di ICU, enam



Hanya seorang pesakit di ICU mendapat jangkitan dari luar negara."

NOOR HISHAM

pesakit merupakan warga emas berusia 60 ke atas. Golongan ini merupakan antara yang terkesan akibat jangkitan Covid.

"Bagaimanapun, golongan yang lebih muda dan mempunyai penyakit kronik dikesan

mempunyai gejala, penyakit dan komplikasi lebih serius sehingga perlu dimasukkan ICU untuk pemantauan rapi," katanya.

Noor Hisham berkata, data sama mendapati 10 pesakit di ICU mempunyai latar belakang penyakit kronik dan tiga memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, sebanyak 14 pesakit mendapat jangkitan dari dalam negara dengan sembilan daripadanya adalah dalam Kluster Sungai, Kedah.

"Hanya seorang pesakit di ICU mendapat jangkitan dari luar negara," katanya.

Menurutnya, jika situasi ini berlanjutan, fasiliti kesihatan negara perlu menampung beban yang tinggi semula.

"Justeru, bagi mengelakkan daripada berlakunya situasi demikian, setiap individu daripada semua peringkat dan lapisan masyarakat perlulah memainkan peranan masing-masing dan patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Orang ramai digesa agar terus patuh kepada SOP dan amalkan kelaziman baharu dalam usaha mencegah penularan Covid-19," katanya.

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	62
Import: 1 Tempatan: 61	
• Pulih	26
• Kematian	0
• Masih dirawat	668
• Jumlah kes sembuh	9,235
• Jumlah Kematian	128
Jumlah kes keseluruhan	10,031



KEGIATAN orang ramai di Pasar Besar Safra, Kota Kinabalu semalam tidak terjejas walaupun kes Covid-19 di Pantai Timur Sabah menunjukkan peningkatan secara aktif. – SHIDDIQIN ZON

60 jangkitan harian direkodkan di Sabah semalam

Malaysia catat lebih 10,000 kes Covid-19

Oleh **NOR IDAYU BOSRO**

PUTRAJAYA – Kes positif Covid-19 di negara ini mencecah lima angka semalam dengan 10,031 kes selepas mencatatkan 62 kes jangkitan harian baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 60 kes dilaporkan di Sabah membabitkan 48 kes di Kluster Benteng LD, 11 kes penularan tempatan lain termasuk satu di Kluster Pulau dan satu satu kes import membabitkan warganegara.

"Sebanyak 34 kes adalah daripada generasi pertama melibatkan 14 warganegara dan 20 warga asing.

"13 kes lagi daripada generasi ketiga yang kesemuanya melibatkan warganegara, manakala satu daripada generasi kedua yang

membabitkan seorang lelaki berusia 17 tahun," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, setakat ini, seramai 7,247 individu disaring dalam Kluster Benteng LD dengan 2,705 masih menunggu keputusan saringan.

"Daripada 472 kes positif di kluster tersebut, 214 adalah warga Malaysia, manakala 258 warga asing melibatkan Filipina (167 kes) dan Indonesia (91)," katanya.

Beliau berkata, kes penularan tempatan di Sabah turut dikesan Hospital Lahad Datu hasil saringan ke atas empat petugas kesihatan selain dua kes lain di Klinik Kesihatan Lahad Datu.

"Selain itu, tiga kes dikesan hasil saringan di Pintu Masuk Antarabangsa dari Semenanjung dan satu kes saringan di Penjara Sandakan.

"Satu kes positif turut dikesan di Kluster Pulau melibatkan seorang warganegara berusia 38 tahun," katanya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, satu kes penularan tempatan juga dikesan di Kedah dalam Kluster Sungai yang melibatkan seorang kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun.

"Di Pulau Pinang, satu kes positif dikesan hasil saringan kontak rapat kepada kes ke-9,397 dan kes ke-9,459.

"Mangsa merupakan ahli keluarga kepada kedua-dua kes berkenaan dan mereka didapati duduk serumah," katanya.

Tambah beliau, Kluster Sala di Kedah menjadi kluster ke-98 ditamatkan semalam selepas tiada kes positif untuk tempoh 28 hari direkodkan.

68 individu ditahan ingkar arahan PKP

PUTRAJAYA – Sebanyak 68 individu ditahan atas kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kelmarin termasuk 21 membabitkan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu, seramai 66 individu dikenakan kompaun, manakala dua yang lain direman.

Beliau berkata, kesalahan lain termasuk gagal menyediakan peralatan serta merekod butiran pelanggan (18), tidak memakai pelitup muka (18), abai penjarakan fizikal (enam), gagal melunaskan bil kuarantin (tiga) dan pendatang asing tanpa izin (PATI) (satu).

"Operasi Benteng semalam (kelmarin) pula berjaya melakukan tangkapan melibatkan 120 PATI dan dua tekong. Turut dirampas adalah tiga bot dan

empat kenderaan darat.

"Daripada jumlah itu, pihak polis berjaya menahan sembilan PATI kerana memasuki negara melalui laluan yang tidak sah di Pengkalan Kubor, Kelantan.

"Di Teluk Penawar, Bandar Penawar, Johor, pasukan Angkatan Tentera Malaysia berjaya menahan lima PATI kerana tiada dokumen pengenalan diri sah," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Berhubung kuarantin wajib, Ismail Sabri berkata, sehingga kelmarin, seramai 29,438 individu pulang ke tanah air dari 32 negara dan telah ditempatkan di 80 stesen kuarantin yang ditetapkan selepas arahan itu diwajibkan mulai 24 Julai lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, 9,737 individu sedang menjalani proses kuarantin wajib, manakala 71 telah dihantar ke hospital untuk rawatan.



PIHAK polis dan tentera giat melakukan sekatan jalan raya bagi membendung penularan Covid-19. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

14



MEMERANGI WABAK COVID-19

KHAMIS 17 SEPTEMBER 2020 • SINAR HARIAN

Jumlah kumulatif cecah lima angka

Malaysia catat 62 kes baharu menjadikan jumlah keseluruhannya 10,031 kes

KUALA LUMPUR

Jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia semalam menecah lima angka iaitu 10,031 kes selepas 62 kes baharu direkodkan, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Dr Noor Hisham berkata, daripada kes baharu itu, 61 kes mendapat jangkitan dalam negara membabitkan 41 warganegara dan 20 bukan warganegara manakala satu kes import melibatkan seorang

warganegara yang pulang dari India.

"Sebanyak 59 kes baharu adalah di Sabah melibatkan 48 kes daripada Kluster Benteng LD termasuk 20 bukan warganegara," katanya dalam kenyataan semasa jangkitan Covid-19 dalam negara semalam.

Beliau berkata, selain itu, kes di Sabah melibatkan saringan petugas kesihatan di Hospital Lahad Datu (empat kes), saringan di Pintu Masuk Antarabangsa dari Semenanjung (tiga kes), saringan di Klinik Kesihatan Lahad Datu (dua kes) dan Kluster Pulau dan di Penjara Sandakan masing-masing satu kes.

"Kedah turut mencatatkan satu kes daripada Kluster Sungai dan Pulau Pinang dengan satu kes daripada saringan kontak rapat kepada kes ke-9,397 dan kes ke-9,459. Beliau me-

rupakan ahli keluarga kepada kedua-dua kes itu dan kesemua mereka duduk serumah," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 26 kes Covid-19 yang telah pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada jangkitan penyakit itu adalah 9,235 kes.

Tiada kematian baharu direkodkan, menjadikan jumlah yang meninggal dunia akibat pandemik itu kekal 128 kes.

Beliau berkata, kes aktif dengan kebolehan jangkitan Covid-19 meningkat saban hari manakala kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) juga mendapati semakin meningkat.

"Pada masa ini terdapat 15 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan tiga memerlukan bantuan pernafasan," katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI COVID-19

SETAKAT 16 SEPT 2020

KLUSTER PULAU

	DISARING	POSITIF	NEGATIF	MENUNGGU KEPUTUSAN
1 kes baharu	193	10	17	166

KLUSTER BENTENG LD

	DISARING	POSITIF	NEGATIF	MENUNGGU KEPUTUSAN
48 kes baharu	1,531	141	1,306	84

	DISARING	POSITIF	NEGATIF	MENUNGGU KEPUTUSAN
TAWAU	5,716	331	2,764	2,621

KLUSTER SUNGAI

	DISARING	POSITIF	NEGATIF	MENUNGGU KEPUTUSAN
1 kes baharu	19,648	58	17,814	1,776

	DISARING	POSITIF	NEGATIF	MENUNGGU KEPUTUSAN
PULAU PINANG	136	-	135	1

	DISARING	POSITIF	NEGATIF	MENUNGGU KEPUTUSAN
PERLIS	25	1	18	6

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Diterbitkan: 16 Sept 2020
Infografik Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia

Pertis 33

Kedah 305

P. Pinang 139

Perak 269

Selangor 2,199

K.L. Putrajaya 2,724

N. Sembilan 1,043

Melaka 262

Johor 752

Kuantan 160

Terengganu 114

Labuan 23

Sarawak 700

Sabah 937

Pahang 371


658 kes

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 10,031 | PULIH: 9,235 | ICU: 15 | KEMATIAN: 128 | KES BAHARU: +62

+Dikemas kini pada jam 6 petang 16 September 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 9,969 kes kepada 10,031 kes



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

THURSDAY, SEPTEMBER 17, 2020 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS

5

PANDEMIC WATCH

NATION SURPASSES 10,000 MARK

62 new infections recorded yesterday, bringing nationwide tally to 10,031, says Health D-G

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA surpassed the five-figure mark in its overall tally of Covid-19 cases yesterday when it recorded 62 new infections, bringing the nationwide total to 10,031.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 61 of the new cases were local transmissions and a majority of them came from the Benteng LD cluster in Sabah.

Only one case was imported and involved a person who had returned from India.

"There were 48 new cases reported from the Benteng LD cluster today (yesterday). This brings the total number of positive cases in this cluster to 472. Up to noon yesterday, a total of 7,246 people had been screened from this cluster.

"In Lahad Datu, 1,531 were screened and from this number, 141 people tested positive for the virus, with 48 of them being new cases. Another 1,306 people tested negative while 84 people are awaiting results.

"In Tawau, 5,716 people were screened with 331 testing positive, 2,764 testing negative and 2,621 others awaiting results," said Dr Noor Hisham in a statement yesterday.



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

Based on the records from the Benteng LD cluster, he said 1,379 comprised detainees and prisoners, with 429 of them testing positive for the virus.

He said 1,156 people from the Lahad Datu district police headquarters and the Tawau prison had been screened, with 10 testing positive.

He said 1,251 family members of staff and prisoners were also screened, and 10 of them tested positive for Covid-19.

Another 994 governmental agency officers tested negative.

"A total of 2,467 close contacts were screened, with 23 testing positive."

Out of the 472 positive cases from the same cluster, 214 were foreigners comprising 167 Filipinos and 91 Indonesians.

On a separate note, Dr Noor Hisham said the Pulau cluster recorded one new positive case yesterday, bringing the number



Armed forces and police personnel on patrol to ensure the public comply with Covid-19 standard operating procedures at a supermarket in Petaling Jaya yesterday. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

of infections to 10, consisting of nine Malaysians and one foreigner.

So far, 171 Malaysians and 22 foreigners have been screened from the Pulau cluster. Another 17 people tested negative, while 166 were awaiting results.

On the Sungai cluster, which is traced to three states, Dr Noor Hisham said there were 59 positive cases.

He said 19,809 people were screened in Kedah with 58 testing positive, 17,814 testing negative and 1,776 awaiting test results.

"In Penang, 136 individuals were screened, with 135 testing negative and one person's test results pending. Another 25 people

were screened in Perlis with one testing positive, 18 testing negative and six others waiting for results."

He said 711 health officers were screened in the Sungai cluster, with 20 testing positive for Covid-19.

On a related issue, Dr Noor Hisham said the number of Covid-19 patients being treated in the intensive care unit was on the rise.

There are 15 patients in the ICU, with three requiring respiratory assistance. Six of them are aged 60 and above, while nine others are aged between 21 and 56.

Dr Noor Hisham said while the elderly were the most vulnerable

to the virus, even younger patients with a history of chronic diseases were found to have suffered serious complications.

He warned that if the situation persisted, the health facilities would be burdened with a spike in Covid-19 cases.

"To prevent the situation from recurring, everyone must play their role in adhering to the standard operating procedures and advice given by the government to contain the spread of Covid-19."

No new Covid-19 deaths were recorded yesterday. The death toll remained at 128 cases or 1.28 per cent of the overall number of cases.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Teacher gets RM28,000 aid for scoliosis operation

By ANDY CHUA
andychua@thestar.com.my

SIBU: Teacher Nur Zamifirah Jayadi is relieved after receiving financial aid of RM28,300 under the Medical Assistance Fund (MAF) for her scoliosis operation.

The 23-year-old, together with nine recipients, received the aid from Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba here yesterday.

"I'm on six months' unpaid leave awaiting surgery at Sibu Hospital, which is scheduled for Sept 29.

"Without this financial aid, it would be almost impossible for me to do the surgery as I just started teaching this year," she said.

Nur Zamifirah is a Mathematics and Bahasa Melayu teacher at SK Abang Ali here.

She started to experience serious back pains two years ago.

"I have been taking three pain-killer pills subscribed by doctors daily since last year," she said.

She was told that the operation would take a day and after that she would be required to have complete rest for three to four weeks.



Life saver:
Nur Zamifirah receiving the mock cheque from Dr Adham for her scoliosis operation.

"The operation involves planting 30 to 40 screws into my spine to strengthen it," she said.

Dr Adham said a total of 63,000 patients nationwide had benefited

from MAF after it was introduced in 2005.

"MAF started with an allocation of RM25mil. It was increased to RM40mil from 2014 in a move to

provide assistance for more poor patients," he said.

The total number of recipients in 2017 was 5,814 people involving RM49mil, RM53mil covered 6,024

people in 2018 and 4,503 people in 2019 at RM46mil.

"For this year until Aug 31, the ministry has approved applications from 1,871 people for financial aid totalling RM23mil," he said.

Dr Adham noted that of the number, 618 were for cardiology patients, 451 for orthopaedic patients while 242 involved ENT (ear, nose and throat) patients.

He added that the amount of financial aid for 1,311 patients for the three disciplines was RM18.8mil or 80% of the total amount given out this year.

As for Sarawak, he said RM2.74mil was approved for this year covering 171 patients, of which the highest number was 71 involving orthopaedic patients.

The Health Ministry introduced the programme to assist poor patients to either cover part or all for medical treatment, purchase of rehabilitation equipment or medicine.

"This assistance is to help the recipients improve their health conditions so that they can continue with their lives," he said.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

10 Nation

THE STAR, THURSDAY 17 SEPTEMBER 2020

Covid-19: Current situation globally

(As at 7pm Sept 16, 2020)

	Malaysia											
	New cases											
	Total cases											
	Total deaths											
	Total recovered											
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Japan	Singapore	S. Korea	Myanmar	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos
Confirmed cases	272,934	228,993	85,214	75,958	57,515	22,504	3,636	3,490	1,063	275	145	23
Deaths	4,732	9,100	4,634	1,451	27	367	39	58	35	0	3	0
Recovered	207,858	164,101	80,437	67,831	56,884	19,310	832	3,316	931	274	139	22
Global Top 10	US	India	Brazil	Russia	Peru	Colombia	Mexico	South Africa	Spain	Argentina		
Confirmed cases	6,788,147	5,025,043	4,384,299	1,079,519	738,020	728,590	676,487	651,521	603,167	577,338		
Deaths	200,197	82,124	133,207	18,917	30,927	23,288	71,678	15,641	30,004	11,852		
Recovered	4,068,086	3,942,360	3,671,128	890,114	580,753	607,978	481,068	583,126	N/A	438,883		

Malaysia crosses the 10,000 mark in Covid-19 cases

PETALING JAYA: Malaysia's total number of cumulative Covid-19 cases has reached the 10,000 mark.

Yesterday's 62 new infections recorded meant that the number of cases stood at 10,031 now.

The country crossed the 9,000 mark on Aug 3 when the cases totalled up to 9,001 on that day.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said that as of yesterday, local transmission cases involved 41 Malaysians and 20 foreigners.

The sole imported case was a Malaysian, he said in a statement yesterday.

He also said that 59 cases were

from Sabah which included 48 from the Benteng cluster in Lahad Datu.

Other states found with new infections were Kedah and Penang. In Kedah, there was a new case from the Sungai cluster.

This cluster started when a healthcare worker at a private

medical centre got infected.

As for the case in Penang, it involved a family member of Case Number 9,397 and 9,459.

All of them lived in the same house, said Dr Noor Hisham.

He also said there were no new deaths reported, which means the number of fatalities remained at

128, or 1.28% from the total number of cases.

Dr Noor Hisham said there were 15 patients being treated at the intensive care unit while three were on ventilators.

Another 26 patients recovered yesterday, bringing the total recoveries to 9,235 or 92.1% so far.

Experts: Take heed of PM's message

Public reminded to take preventive measures to stop further outbreaks

By FATIMAH ZAINAL
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia has lauded Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin's message that prevention is way better than cure when it comes to Covid-19.

Coalition president Dr Raj Kumar Maharajah said Muhyiddin had given a firm message that hit all the right notes in his special Covid-19 address on Tuesday.

Health experts felt that the speech played an important part in inspiring confidence in the battle against the pandemic.

Universiti Malaya virologist Prof Dr Sazaly Abu Bakar said Muhyiddin's points such as strict border controls and effective Covid-19 testing were reassuring as they showed that he cared for the people.

"I fully agree with his point about ramping up border patrols and control as well as effective testing.

"While Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah has been giving the more regular updates, it is good that every now and then, the Prime Minister updates the nation too to show the rakyat that he is the ultimate person taking the responsibility," he said of Muhyiddin's special address, where he made clear that the government would not rush to reopen the country's borders.

He said the government would also continue to prevent the entry of illegal immigrants.

Dr Sazaly described infected illegal immigrants who infiltrated the



Mask up: Members of the public are reminded to always wear a mask when out in public to help prevent the spread of Covid-19. — MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star

border as "almost comparable to bioterrorists".

"It is time for Malaysia to ramp up spending for border control assets and expand the workforce towards better control.

"As a maritime nation supposed-

ly, we have focused too much and for far too long on land-based transport, leaving our nation vulnerable even against illegal immigrants," he said.

Dr Raj Kumar said Muhyiddin's reminder came at the right moment.

"People tend to forget easily. Hence constant reminders at regular intervals is important to keep everyone on their toes.

"Educating, constant reminders and enforcement is important. Punishment should only be meted

out if all else fails.

"Security along our borders also needs to be further tightened," Dr Raj Kumar said, adding that for the benefit of rural folk without smartphones, conventional channels to disseminate messages should be used, and these include political parties, community leaders, local councils, and non-governmental organisations.

Universiti Putra Malaysia medical epidemiologist and biostatistician Assoc Prof Dr Malina Osman said Muhyiddin's speech motivates Malaysians in the fight against Covid-19.

"In my opinion, this would be good for most of us as it is constantly reminding us to comply with preventive measures against Covid-19," she said.

In his speech, Muhyiddin had expressed concern that the number of positive cases has been rising, with a total of 615 new cases detected in the past 14 days, and warned that the government would be forced to reintroduce the movement control order (MCO) if necessary.

Dr Malina said complacency among the people from time to time will lead to compromises in observing the standard operating procedures, potentially leading to new cases and outbreaks.

She said that besides the Prime Minister, community leaders should also show a good example to the public when it comes to reinforcing the observance of rules and SOP.

"Good examples from local leaders, heads of organisations, and those known to the public are crucial to provide motivation for the public to comply with the rules."

KL-KK airline passengers urged to undergo screening

PETALING JAYA: Passengers of a Malindo Air flight from Kuala Lumpur to Kota Kinabalu on Sept 11 are urged to present themselves for Covid-19 screening.

The National Security Council yesterday shared a notice of the flight, urging passengers from seats 30 to 33 to present themselves for screening.

"Passengers who were seated in rows 30 to 33 are urged to contact the Covid-19 Operations Room Kota

Kinabalu Area Health Office at 088-726 352," said the notice.

The Health Ministry announced an additional 59 cases, out of the 61 locally transmitted cases, were from Sabah.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said three of the 59 cases in Sabah were from Covid-19 screenings entering the state from Peninsular Malaysia.

In Tawau, a 75-year-old female pedestrian, who died in a road acci-

dent on Saturday, has been confirmed to be positive for Covid-19.

She was killed in an accident in Jalan Chong Thien Yun near her housing area.

The elderly woman is said to have been hit by a car on her way home after buying breakfast.

She is known to have frequented several places around the area, such as the market, to run errands.

The district health office is now working to identify anyone who

was in close contact with the deceased, said Tawau Health officer Dr G. Navindran.

"All those who were in close contact with her will undergo Covid-19 screenings, including police personnel who handled the case, her family as well as other people who helped move the body," he said.

Meanwhile, sixty-eight people were detained for flouting various regulations under the recovery movement control order (MCO).

Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said of the 68 detained on Tuesday, 66 were issued compounds and two were remanded.

"Among the offences committed included flouting the enhanced MCO (21), failing to record personal details (18), not wearing face masks (18), failing to practise physical distancing (six) and failing to settle quarantine bills (three). Two illegal immigrants were also arrested," he said in a statement yesterday.